

Headline **PI, MIMOS mulakanjen-ii**
Date **10 Dec 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **181 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,577**
PRValue **10,732**



PI, MIMOS mulakan Jen-ii

PETALING JAYA 9 Dis. – Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. (P1), pengendali WiMAX, telah mengadakan kerjasama dengan MIMOS untuk memulakan percubaan secara langsung Jen-ii (Jendela Informasi Internet) di Chini Timur.

Kerjasama itu membolehkan PI mendapat kelulusan untuk melaksanakan WiMAX di seluruh negara oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, bagi meluaskan penembusan melalui Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC) ke kediaman di Chini Timur.

“Matlamat kami adalah memastikan perkhidmatan jalur lebar untuk semua. Kita perlu memahami jalur lebar kini bukan lagi produk mewah tetapi sebagai satu keperluan.

“Untuk memastikan misi ini berjaya adalah penting penembusan turut dinikmati oleh penduduk luar bandar, tidak ada seorang pun yang ketinggalan,” menurut Ketua Pegawai Eksekutif P1, Michael Lai.

Jen-ii adalah peranti akses maklumat berasaskan ikon berkos rendah dan perkakasan yang direka untuk meningkatkan penerimaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang disasarkan kepada komuniti luar bandar

dan warga emas sebagai jambatan bagi mengurangkan jurang digital.

Kandungan Jen-ii dibangunkan oleh Nadi-Ayu Technologies. MIMOS WiWi adalah penyelesaian hibrid WiMAX dan WiFi yang beroperasi dalam frekuensi 2.3 GHz, sebagai alternatif untuk meluaskan rangkaian tersebut dalam ekosistem jalur lebar Malaysia.

MIMOS WiWi adalah platform teknologi hotspot jalur lebar segera yang merupakan penyelesaian ideal bagi pemasangan dengan kadar munasabah dan murah bagi setiap pengguna.

Kerjasama antara MIMOS adalah sebahagian usaha PI untuk merealisasikan aspirasi untuk menyediakan jalur lebar untuk semua dengan menjadikan ia sebagai hak kepada rakyat Malaysia, menurut Lai.

“Matlamat kami adalah memastikan perkhidmatan jalur lebar untuk semua. Kita perlu memahami jalur lebar kini bukan lagi produk mewah tetapi sebagai satu keperluan

- **MICHAEL LAI**
Ketua Pegawai Eksekutif P1



MICHAEL LAI